



**KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

PERMOHONAN MAKLUMAT DARIPADA SEMUA *MANAGED CARE ORGANISATIONS* (MCO) ATAU *THIRD-PARTY ADMINISTRATORS* (TPA)

PUTRAJAYA, November 2025 – Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa Ketua Pengarah Kesihatan telah mengeluarkan arahan rasmi di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586]. Arahan ini mewajibkan semua Organisasi Jagaan Yang Diuruskan atau *Managed Care Organisations* (MCO) termasuk *Third-Party Administrators* (TPA) yang mempunyai kontrak dengan kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan swasta untuk mengemukakan maklumat kepada KKM.

Tujuan utama arahan ini adalah untuk memperkukuh ketelusan, memudahkan komunikasi, dan memastikan pemantauan yang lebih berkesan terhadap peranan MCO/TPA dalam sektor jagaan kesihatan swasta. Maklumat yang dikemukakan akan dimasukkan ke dalam Daftar MCO yang disenggara oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Sehubungan itu, semua MCO/TPA yang berkenaan dikehendaki mengemukakan maklumat melalui borang dalam talian rasmi KKM selewat-lewatnya pada 31 Januari 2026.

KKM menyeru semua pihak yang terlibat untuk memberikan kerjasama penuh dalam perkara ini. Pematuhan kepada arahan ini adalah penting bagi memastikan sistem jagaan kesihatan swasta negara terus beroperasi dengan telus dan berpaksikan kepentingan rakyat. Butiran lanjut mengenai arahan ini boleh dirujuk dalam dokumen rasmi yang telah dimuat naik dalam Laman Web Bahagian Amalan Perubatan, <https://hq.moh.gov.my/medicalprac/mcofee/>.

Kementerian Kesihatan Malaysia
28 November 2025

- Tamat -